

24/10/2002

Malaysia tidak perlu minta maaf

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia tidak meminta maaf terhadap pihak yang menulis sesuatu yang tidak benar mengenai negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana mana-mana pihak harus memastikan tulisan mereka benar serta tidak mengandungi kesalahan.

"Mereka seharusnya lebih berhati-hati dengan apa yang mereka tulis," katanya pada sidang akhbar selepas menutup Seminar Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di sini, hari ini.

Dr Mahathir ditanya gesaan Rohan Gunaratna, penulis buku Inside al-Qaeda - Global Network of Terror yang mahu ahli politik Malaysia meminta maaf berikutan bukunya tidak mengaitkan Barisan Nasional (BN) dengan al-Qaeda.

Sebaliknya, Gunaratna dilaporkan berkata, buku berkenaan hanya mengaitkan beberapa individu tertentu dalam BN dengan Moro Islamic Liberation Front (MILF).

Tulisan buku Gunaratna yang digunakan sebagai rujukan kumpulan pemantau keganasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dikecam hebat termasuk pemimpin pembangkang, kerana mengaitkan beberapa organisasi politik dan pertubuhan bukan kerajaan dengan al-Qaeda.

Malah, laporan PBB itu menyediakan satu carta yang merujuk hubungan antara BN dan al-Qaeda.

Mengenai buku itu, Dr Mahathir berkata, penelitian awal kandungan buku itu mendapati ia tidak menyatakan secara khusus hubungan BN dengan al-Qaeda.

"Ia cuma kata BN mempunyai hubungan dengan MILF kerana kerajaan iaitu BN menolong kerajaan Filipina menyelesaikan masalah di selatan negara itu.

"Malah mereka (MILF) berada di sini dan menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan Filipina di Kuala Lumpur dengan disaksikan wakil Malaysia," katanya.

Ditanya apakah Gunaratna wajar meminta maaf, Perdana Menteri berkata, laporan PBB jelas mengaitkan BN dengan al-Qaeda walaupun Gunaratna hanya mengaitkan BN dengan MILF.

"Kenyataan itu dibuat dalam laporan PBB yang dirujuk kepada apa yang beliau (Gunaratna) nyatakan dalam bukunya. Kita sudah mengkaji buku itu, malah saya membacanya pada mesyuarat Kabinet dan mendapati beliau hanya kaitkan BN dengan MILF," katanya sambil menambah, kerajaan ingin mengetahui sumber Gunaratna.

Mengenai pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu sekolah berkenaan cuba memulakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun satu.

Beliau berkata, parti komponen berasaskan Cina dalam BN diberi seminggu untuk mencari cara terbaik melaksanakannya.

"Kita cuba memulakannya dari tahun satu dan itulah apa yang mereka sedang lakukan, iaitu mencari formula. Saya tidak akan berkata lebih lanjut, saya ingin memberikan mereka ruang untuk memikirkannya," katanya.